

JELAJAH STAR KARNIVAL CUTI-CUTI MALAYSIA MENUTUP TIRAI DI SABAH

Menampilkan Keindahan, Budaya dan Semangat Pelancongan Malaysia di Bumi Di Bawah Bayu



Sesi fotografi bersama tetamu vip di reruai Tourism Malaysia semasa majlis pelancaran Star Karnival Cuti-Cuti Malaysia edisi Sabah.

KOTA KINABALU, 15 November 2025 (Sabtu) — Star Karnival Cuti-Cuti Malaysia (SKCCM) 2025 melabuhkan tirainya di Sabah hari ini melalui pelancaran di Imago Mall, Kota Kinabalu. Karnival selama tiga hari yang berlangsung dari 14 hingga 16 November 2025 ini menjadi penutup kepada kempen “Explore. Experience. Excite.” yang merupakan satu inisiatif kolaboratif antara Tourism Malaysia dan Star Media Group (SMG) bagi mempromosikan pelancongan domestik, budaya tempatan dan keusahawanan berasaskan warisan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, yang menyifatkan penganjuran ini sebagai platform yang menyemarakkan pelancongan domestik dengan meraikan keunikan budaya dan warisan negara serta menjadi pemangkin kepada kejayaan kempen VM2026.

“Selari dengan persediaan meraikan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026), penganjuran karnival ini memainkan peranan penting dalam menggalakkan rakyat untuk merancang percutian di dalam negara selain meneroka kepelbagaian budaya yang membentuk identiti negara kita,” ujar YB Datuk Khairul Firdaus. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, inisiatif MOTAC melalui Tourism Malaysia ini sekaligus merancakkan lagi sektor pelancongan dan ekonomi negara.

Dengan penyertaan 80 peserta pameran yang terdiri daripada agensi pelancongan, hotel, pengusaha produk pelancongan dan inap desa serta pengusaha produk kraf, edisi SKCCM Sabah menampilkan pelbagai elemen menarik yang merangkumi:

- Persembahan kebudayaan yang mencerminkan kepelbagaian tradisi dan etnik Malaysia.
- Juadah warisan dan makanan tempatan daripada pelbagai negeri.
- Tawaran dan promosi pelancongan eksklusif.
- Gerai kraftangan dan seni yang menonjolkan kreativiti serta keusahawanan tempatan.
- Persembahan khas dan interaksi bersama penggiat seni popular dan pencipta kandungan digital.

Menurut Encik Chan Seng Fatt, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Star Media Group, “Star Karnival Cuti-Cuti Malaysia telah membawa kita merentasi satu perjalanan luar biasa, dari tanah tinggi ke pesisir pantai, dari kota yang sibuk ke desa yang tenang. Melalui kerjasama erat dengan Tourism Malaysia, kita berjaya meraikan keistimewaan Malaysia melalui kepelbagaian budaya, masakan dan hubungan kemasyarakatan yang kukuh.”

Sepanjang tempoh penganjuran dari September hingga November 2025, SKCCM telah menjelajah ke Pahang, Lembah Klang, Sarawak, Pulau Pinang, Johor dan Sabah, dengan kehadiran lebih 200,000 pengunjung di seluruh negara. Setiap lokasi menawarkan pengalaman unik yang direka untuk menggalakkan rakyat Malaysia

menerokai keindahan negara sendiri, menyokong perniagaan kecil dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pelancongan domestik.

Majlis SKCCM ini turut menyaksikan pelancaran kempen *Fly Borneo Vol. 3: Surreal Experiences*, satu inisiatif kolaboratif Tourism Malaysia Sabah bersama Malaysia Airlines dan Firefly yang menghimpunkan 13 ejen pelancongan strategik bagi mempromosikan 26 pakej pelancongan eksklusif merangkumi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pakej ini menampilkan keindahan tersembunyi Borneo melalui pelancongan berasaskan komuniti (CBT), pengalaman budaya, pengembaraan alam semula jadi dan percutian pulau yang menenangkan.

Sebagai sokongan kepada inisiatif ini, Malaysia Airlines dan Firefly menawarkan diskaun istimewa tambang penerbangan antara 5% hingga 10% bagi laluan dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Labuan, Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu, tertakluk kepada pembelian pakej penginapan minimum dua malam. Pakej *Fly Borneo* ini akan mula dijual dari 15 November 2025 hingga 31 Disember 2026.

Star Karnival Cuti-Cuti Malaysia – Sabah dibuka kepada orang ramai secara percuma, menawarkan tiga hari penuh dengan persembahan menarik, sajian kulinari yang lazat dan peluang mendapatkan tawaran pakej pelancongan istimewa. Untuk maklumat terkini dan acara akan datang, layari laman sesawang The Star, mStar, Majoriti dan Suria FM.

TAMAT

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 bakal meraikan kelestarian industri pelancongan negara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [Twitter](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Star Media Group

Star Media Group Berhad ialah sebuah organisasi berpangkalan di Malaysia yang mengkhusus dalam bidang berita, gaya hidup, hiburan dan pendidikan. Sebagai penjaga kepada jenama utamanya, The Star, kumpulan ini telah menjadi sumber berita berbahasa Inggeris yang dipercayai sejak tahun 1971.

Kini, kumpulan ini telah berkembang menjadi kuasa media pelbagai saluran dengan kehadiran kukuh dalam media cetak, digital, radio serta penganjuran acara dan pameran. Star Media Group terus komited dalam menyampaikan kandungan berkualiti tinggi serta menyediakan penyelesaian media bersepadu.

Layari www.starmediagroup.my untuk maklumat lanjut.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

1) Tourism Malaysia

Shahrul Aman Sabir Ahmad Timbalan Pengarah Bahagian Domestik & Acara shahrulaman@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8448	Norshariza Mohd Saad Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat norshariza@tourism.gov.my Tel: +603 8891 8744
--	---

2) Star Media Group

Daphne Wong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat & Impak Sosial daphne.wong@thestar.com.my Tel: +603 7967 1198	Christine Wong Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Korporat & Impak Sosial christine.wps@thestar.com.my Tel: +603 7967 1740
--	---